KEMENTERIAN KEWANGAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000
Cabel : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : http://www.treasury.gov.my

B(8.03)3/5/1-1 JD.6 (31)

18 April 2012

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan,

KEPERLUAN KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN BAGI PERUNTUKAN SEWA RUANG PEJABAT

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perenggan 4, Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 mengenai peruntukan kewangan bagi permohonan kelulusan penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan.

2. Berdasarkan peraturan semasa di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM), permohonan sewa ruang pejabat oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah mendapat kelulusan peruntukan kewangan daripada Perbendaharaan. Ini termasuklah permohonan bagi kes-kes perlanjutan sewa ruang pejabat. Keadaan ini telah menimbulkan kesulitan dan rungutan di kalangan Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerana setiap permohonan rutin terpaksa dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk diluluskan sebelum dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Ruang Pejabat yang diurusetiakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM.

3. Oleh yang demikian, Perbendaharaan bersetuju supaya perkara ini dijelaskan dengan lebih lanjut seperti ketetapan berikut:

i. permohonan **baru** dan **permohonan perlanjutan sewa ruang pejabat melebihi 10%** daripada kos sewaan semasa **perlu** mendapatkan kelulusan Perbendaharaan; dan

ii. permohonan **perlanjutan sewa ruang pejabat yang melibatkan kenaikan tidak melebihi 10%** daripada kos sewaan semasa **tidak perlu** mendapat kelulusan Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Rahim bin Abu Bakar)
Pengarah Bahagian Pengurusan Belanjawan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.

Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Ruang Pejabat
Bahagian Pengurusan Hartanah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok B3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya